

12 SEP 2000

Nik Aziz-buku

BUKU HINA NABI TIADA KAITAN DENGAN PAS, KATA NIK AZIZ

KOTA BAHARU, 12 Sept (Bernama) -- Mursyidul Am Pas Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat hari ini menafikan bahawa parti itu terbabit dalam penulisan dan penerbitan buku bertajuk "Islam Optimis Melangkah Ke Alaf Baru: Mengapa Pilih Parti Islam?" yang dikatakan menghina Nabi Muhammad.

Beliau berkata penulis buku berkenaan Ibnu Daullah tiada kaitan dengan Pas kerana dia bukan anggota parti itu.

"Mana boleh sebuah buku yang disebut-sebut sebagai orang Pas menulis, tiba-tiba boleh (diperolehi) kepada pemimpin Umno dulu," katanya kepada pemberita di pejabatnya di sini hari ini.

Nik Aziz yang juga Menteri Besar Kelantan berkata demikian ketika diminta mengulas laporan media hari ini yang memetik Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai berkata bahawa Pas menyalahgunakan Islam untuk kepentingan politik dengan mengeluarkan buku yang menyatakan Nabi Muhammad pemimpin parti Islam pertama.

Nik Aziz berkata PAS tidak menulis atau menerbitkan buku itu sebaliknya ia adalah rancangan daripada orang Umno.

Menurutnya beliau tidak pernah mendengar wujudnya cadangan dalam Pas untuk menulis buku.

Nik Aziz berkata beliau hairan bagaimana buku itu diperolehi oleh pemimpin Umno terlebih dahulu sedangkan beliau dan pemimpin Pas yang lain belum membacanya.

Pada sidang media semalam, Dr Mahathir berkata bahawa pada kulit belakang buku itu disiarkan "Amanat Untuk Rakyat Malaysia" oleh Presiden PAS Datuk Fadzil Noor.

Ditanya mengenai perkara itu, Nik Abdul Aziz berkata beliau tidak mahu mengulas mengenai penglibatan Fadzil dalam buku itu.

-- BERNAMA

SM BD MAI